



Minggu Suaikenal
SIDANG AKADEMIK 2011/2012
(Pengambilan Ijazah)



**“Genggam bara api
biar sampai jadi debu”**,

perumpamaan melayu yang menekankan sikap berusaha dengan sepenuh hati dan jiwa bagi mencapai sesuatu. Perumpamaan yang selayaknya ditujukan kepada 2,000 pelajar baharu yang telah mendaftarkan diri di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) bagi sidang 2011/2012 di Kampus Tetap UniMAP, Ulu Pauh pada 5hb September 2011.

Sudah menjadi dasar Naib Canselor UniMAP, Y.Bhg. Brig. Jen. Dato’ Prof. Dr. Kamarudin Hussin bagi setiap sesi pendaftaran pelajar baharu perlu diadakan di Kampus Tetap UniMAP, Ulu Pauh agar para pelajar baharu dapat menghayati dan merasai suasana kampus baharu yang berkonsepkan alam.

Seawal jam 8.00 pagi, Pusat Kegiatan Pelajar Kampus UniMAP Ulu Pauh dipenuhi dengan para pelajar baharu serta ibu-bapa. Lebih memeriahkan majlis lagi dengan kehadiran DYTM Tuanku Raja Muda Perlis merangkap Canselor UniMAP, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalulail dan DYTM Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil selaku Pro Canselor UniMAP telah berkenan mencemar duli berangkat ke Majlis pendaftaran tersebut.

Sepanjang sesi pendaftaran, para ibu-bapa turut diberikan taklimat dan info-info berkaitan UniMAP serta perjalanan pengajian yang akan ditempuhi oleh anak-anak mereka sepanjang tempoh mereka bergelar mahasiswa UniMAP. Program Minggu Suaikenal (MSK) yang bermula pada 5hb September 2011 sehingga 9hb September 2011. Program ini telah dirancang dengan pengisian pelbagai slot antaranya Taklimat Kepada Waris, Taklimat Bimbingan dan Informasi HEPA, Taklimat Kolej Kediaman, Taklimat AUKU, Taklimat Ko-K dan Badan Beruniform, Majlis Sambutan Siswa-Siswi, Taklimat Bersama Jabatan UniMAP, Ceramah Kenegaraan, Taklimat Bersama Pusat Pengajian dan Slot bersama Tokoh Industri yang berpengalaman di dalam

bidang Industri. Selain itu, antara tetamu luar yang hadir pada Program MSK ialah Mufti Negeri Perlis iaitu Sahibus Samahah Dr. Juanda Jaya bagi slot Bersama Mufti Kerajaan Negeri Perlis dan Menteri Besar perlis YAB Dato’ Seri Dr. Md Isa Sabu bagi slot bersama tokoh.

Majlis Sambutan Siswa/ Sisiwi juga diadakan di mana para pelajar akan mendengar amanat daripada Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato’ Prof. Dr. Kamarudin Hussin dan seterusnya memperkenalkan ketua-ketua jabatan UniMAP. Dalam majlis tersebut juga, seorang pelajar yang terpilih akan diberi tanggungjawab untuk membaca ikrar di hadapan Naib Canselor dan ketua-ketua jabatan UniMAP sebagai simbolik akuanji di antara pelajar dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

Minggu Suaikenal (MSK) Sidang akademik 2011/2012 diakhiri dengan Majlis Ramah Mesra di mana dalam majlis ini, pelajar-pelajar baharu yang terpilih akan mempersembahkan bakat-bakat terpendam di hadapan rakan-rakan mereka sewaktu majlis makan malam pelajar baharu bersama pihak pengurusan tertinggi universiti.

Sementara itu, pada 22hb September 2011 di Kampus Tetap UniMAP, Ulu Pauh sekali lagi dibanjiri dengan pelajar-pelajar baharuambilan kedua Ijazah Sidang Akademik 2011/2012. Pada sesi pendaftaranambilan kedua ini, seramai 380 orang pelajar baharu telah mendaftarkan diri di UniMAP.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menayakan program ini terutama kepada pihak pengurusan kolej kediaman, pembantu-pembantu pelajar, kakitangan HEPA, dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Secara keseluruhannya, program ini telah terlaksana dengan lancar dan dianggap berjaya memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar baru akan keunikan cara atau corak kehidupan sebagai pelajar UniMAP dengan kampusnya yang teragih di sekitar Negeri Perlis.

Oleh: En. Mohd Hairi Osman

